

356,260 benih ikan, udang dilepaskan di perairan Melaka



AHMAD menyaksikan pelepasan benih ikan dan udang di Laman Belia Sungai Kesang.

Farah Suhaidah Othman

SUNGAI RAMBAI – Jabatan Perikanan Negeri Melaka melepaskan sebanyak 356,260 benih ikan dan udang di perairan Melaka setakat Oktober tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pelepasan benih sumber makanan laut itu bagi memastikan matlamat untuk melestarikan alam sekitar selain memulihara sumber serta biodiversiti perikanan darat.

Katanya, pelepasan benih ikan dan udang itu juga dapat menambah stok di perairan umum, sekaligus meningkatkan jaminan bekalan makanan.

“Benih dilepaskan

membabitkan spesies lampam sungai, baung dan udang galah, semuanya dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Negeri Melaka bagi tahun 2022.

“Pada kali ini sahaja, sebanyak 100,000 ekor benih ikan dan udang galah dilepaskan di perairan Sungai Kesang,” katanya selepas merasmikan Program Pesta Jejak Udang Galah di Sungai Kesang Peringkat Daerah Jasin di Laman Belia Sungai Rambai, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Rambai, Siti Faizah Abd Azis dan Pengarah Perikanan Negeri Melaka, Mohd Fauzi Salehon.

Pada majlis sama, Ahmad turut menyerahkan

Sijil Lesen Sampan Khas kepada 12 nelayan di Daerah Jasin.

Ahmad berkata, seramai 194 pemilik sampan di Negeri Melaka layak menerima lesen berkenaan sejak tahun lalu selepas menghadiri temuduga dijalankan Jabatan Perikanan Negeri.

“Jumlah tangkapan di Melaka adalah lebih kurang 23 peratus sahaja yang lain (sumber makanan laut) terpaksa dibeli atau dibawa dari luar.

“Itu sebabnya Ketua Pengarah Perikanan sentiasa membuat pemantauan dan pemutihan, kita tapis habis-habisan lesen kerana jika diberikan begitu sahaja mereka turun ke laut tangkapan ikan tidak ada, tidak boleh juga,” katanya.